

## **Zahid Hamidi jelas hubungan erat dengan kaum Cina**

**zahidhamidi.com**

**August 11, 2015**

**By Admin**

### **Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memberitahu wartawan hubungannya yang baik dengan kaum cina di Malaysia.**

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi ketika ditemubual wartawan akhbar-akhbar berbahasa Cina di Kuching berkata, sewaktu remaja dahulu beliau mempunyai seorang bapa angkat dari kaum Cina dan mempunyai hubungan baik sehingga ke hari ini. Sejak dari darjah satu hingga darjah 6 beliau tinggal bersama keluarga angkatnya berketurunan Hainan. Beliau telah menganggap anak-anak keluarga angkatnya sebagai keluarga sendiri. Adakah ini menunjukkan beliau anti orang Cina?.

“Saya mesti memberitahu wartawan-wartawan Cina bahawa saya mempunyai bapa angkat berbangsa Cina. Saya menjual aiskrim bersama beliau dari Darjah Satu hingga Darjah Enam...selama enam tahun”.

“Anak-anak beliau seperti adik beradik saya sendiri. Mereka daripada suku kaum Hai Lam, dan kami makan tengah hari dan makan malam bersama di dapur mereka. Sampai sekarang, saya masih mempunyai hubungan baik dengan mereka. kata beliau dalam temuramah.

Beliau menegaskan, beliau bukan ultra Melayu, sebaliknya akan memberikan layanan yang sama kepada semua bangsa. Sikap yang melampau dalam amalan sentimen kaum dapat dihindari jika masyarakat dapat menerima kepelbagaian dari kaum yang berbeza samada dari segi budaya atau pemikiran. Masyarakat di negara ini telah amalkan sikap toleransi dan kompromi sejak sekian lama.

“Sebagai seorang pemimpin Malaysia, saya perlu berlaku adil kepada semua orang, kepada semua rakyat Malaysia, ” katanya dalam temubual media cetak dan radio daripada Kumpulan

KTS pada Selasa. Temubual itu diadakan sempena lawatan rasmi pertama beliau ke Sarawak selaku Timbalan Perdana Menteri.

Ketika ditanya wartawan, beliau memberi jaminan kepada masyarakat Cina bahawa kerajaan tidak akan menghapuskan sekolah bahasa ibunda. Beliau menasihati masyarakat Cina agar tidak gusar kerana dasar pelajaran negara diwujudkan diharap dapat menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum dalam negara ini.

**Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister**

**Blog at WordPress.com.**

Source: <http://zahidhamidi.com/2015/08/11/kaum-cina-baik-zahid-hamidi/>